

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN [RANAU]

TARIKH : 18 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9476

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- a) sejak diumumkan pada Disember 2014, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ke atas saranan yang dibuat dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah; dan
- b) sama ada pihak Kerajaan sedia melaksanakan saranan laporan RCI untuk menggantikan kad pengenalan di negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, menyusuli pengumuman hasil dapatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah pada 03 Disember 2014, Kerajaan telah mengambil tindakan susulan sebagaimana berikut:

- 1. Pertama, menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS). Jawatankuasa ini terbahagi kepada dua (2) tier iaitu, Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) yang dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri Dalam Negeri dan YAB Ketua Menteri Sabah serta Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal) yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah.**
- 2. Kedua, semenjak JKPWAS ditubuhkan, Kerajaan telah menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang tinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak 27,769 orang yang merupakan angka tertinggi semenjak tahun 1990. Secara keseluruhannya,**

jumlah pengusiran daripada tahun 1990 sehingga 30 September 2016 pula adalah seramai 547,932 orang.

3. Ketiga, Kerajaan juga bekerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak yang positif yang mana dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh dua hingga tiga minggu berbanding dua hingga tiga bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016.
4. Keempat, JKPWAS-Induk melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lainya adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan.
5. Kelima, pihak Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk

membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.

Berhubung sama ada pihak Kerajaan sedia melaksanakan saranan laporan RCI untuk menggantikan kad pengenalan di negeri Sabah dan mengeluarkan Kad Pengenalan Khas kepada rakyat Sabah, sebarang tindakan kerajaan mengenainya bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah jua.